

# Lebih banyak khidmat *online* bantu orang ramai

J.M. 19/10/07 M/S 2

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Pemudah, pasukan petugas yang dibentuk oleh kerajaan untuk membantu sektor perniagaan, melihat penggunaan komputer sebagai cara berkesan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan, yang juga pengerusi bersama Pemudah berkata, kerajaan akan menggalakan lebih banyak perkhidmatan secara *online* bagi kemudahan orang ramai.

Menerusi projek e-KL Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), bilangan perkhidmatan *online* akan ditambah kepada 5,000 menjelang tahun 2010 daripada 400 sekarang.

Dalam satu taklimat baru-baru ini, Sidek berkata, sistem penyampaian perkhidmatan awam adalah antara faktor utama yang akan menentukan sama ada sesebuah negara itu adalah lokasi yang baik untuk perniagaan dan pelaburan, bukan saja kepada pelabur asing tetapi juga kepada pelabur tempatan.

Katanya, BLESS (Business Licensing and Electronic Support Services) adalah

antara inisiatif terbaru bertujuan mengurangkan kerenah birokrasi dan memudahkan cara untuk menjalankan perniagaan di Malaysia.

BLESS adalah pusat sehenti yang memantau dan memudahkan proses kelulusan permohonan mendapatkan lesen perniagaan.

Menerusi BLESS, kerajaan berharap untuk mengurangkan masa memberikan kelulusan dan mengeluarkan lesen perniagaan.

Setakat ini, BLESS berjaya mengurangkan masa meluluskan lesen perkilangan kepada sekitar 23 hari dari 40 hingga 59 hari sebelum ini, selain membenarkan industri perhotelan membuat permohonan lesen dan permit secara *online*.

Sidek berkata, ketelusan dan integriti terus menjadi keutamaan kerajaan pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Seorang anggota lembaga Pemudah, Tan Sri G. Gnanalingam berkata, satu lagi penambahbaikan hasil daripada kewujudan Pemudah ialah bilangan aduan terhadap Lembaga Hasil Dalam Negeri telah berkurangan.

Sebelum ini, terdapat banyak sungutan

bahawa lembaga itu gemar mengenakan denda terhadap kesalahan membayar cukai tetapi lewat mengeluarkan bayaran balik cukai.

Ini telah diatasi menerusi campuran Pemudah kerana pada masa ini bayaran balik cukai dibuat dalam tempoh 14 hingga 30 hari berbanding setahun atau lebih sebelumnya.

Malahan, kata Gnanalingam, Lembaga Hasil Dalam Negeri kini membuat bayaran balik cukai walaupun pembayar cukai tidak membuat permohonan.

Beliau berkata, sebarang langkah untuk menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan telus boleh dilihat sebagai satu pendekatan antirasuah kerana ia mengurangkan ruang untuk rasuah hasil daripada sistem dan prosedur yang lebih baik.

Katanya, orang ramai boleh membantu menentukan sama ada semuanya berjalan lancar atau tidak dengan memberikan maklumat balas kepada Pemudah menerusi laman webnya [www.pemudah.com.my](http://www.pemudah.com.my).

Penambahbaikan yang lain oleh Pemudah

dah termasuk:

- Mewujudkan 21 Mahkamah Harta Intelpek di semua negeri;

- Menghapuskan sembilan pekililing Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Tender bagi tujuan ketelusan dalam urusan pemerolehan kerajaan;

- Menyeragamkan 15 lesen daripada kerajaan tempatan kepada hanya satu lesen bagi industri perhotelan;

- Menggabungkan tiga permit Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kepada hanya satu permit untuk industri perhotelan;

- Menyediakan maklumat mengenai industri pengangkutan barang secara *online*;

- Permohonan secara *online* kepada Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menukar lesen memandu antarabangsa kepada lesen memandu Malaysia;

- Kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar kepada lima minggu dari tiga bulan; dan,

- Kelulusan pelan bangunan bagi projek perumahan kos rendah kepada 92 hingga 134 hari dari 281 hari sebelumnya.

- Bernama